

Majlis Kecemerlangan MTIB 'Sedekad Bersama ISO'

Selasa, 29 Januari 2013 16:21



- MALAY VERSION ONLY -

UCAPAN YB DATO' HAMZAH ZAINUDIN TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI SEMENA MAJLIS KECEMERLANGAN MTIB 'SEDEKAD BERSAMA ISO' PADA 11 JUN 2010

Terima kasih saudara /saudari Pengacara Majlis,

Y.Bhg. Datuk Wira Ismail Saleh,
Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Y.Bhg. Datuk Madius Tangau
Pengerusi Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

Ahli-ahli Jemaah Lembaga MTIB,

Pegawai-pegawai kanan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Y.Bhg. Datuk-datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan, saudara dan saudari yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam satu Malaysia.

Alhamdulillah, pada pagi ini kita dapat berkumpul pada Majlis Kecemerlangan MTIB 'Sedekad Bersama ISO'. Saya ingin mengucapkan terima kasih MTIB kerana menjemput saya ke Majlis ini. Saya memang berpaksi kepada keperluan untuk kecemerlangan dan kualiti perkhidmatan dalam semua aspek, dan itulah yang menggerakkan saya untuk bersetuju untuk hadir bersama-sama dengan warga MTIB untuk meraikan acara-acara dalam majlis ini.

Tuan-tuan dan puan,

Pada Tahun 2009, industri perindustrian negara mengalami tamparan yang hebat oleh kerana kemelesetan dan kegawatan ekonomi. Nilai eksport pada tahun 2009 mencatatkan RM 19.49 bilion iaitu penurunan sebanyak 14.5% berbanding tahun 2008. Walaupun begitu, nisbah sumbangan eksport daripada sektor hulu kepada sektor hiliran telah menunjukkan perubahan iaitu 56:44 daripada 60:40 pada tahun 2005. Keadaan ini juga menjadi cabaran utama kepada MTIB sebagai agensi yang menjadi pemangkin kepada industri perindustrian untuk meningkatkan unjuran pertumbuhan ekonomi sebanyak 6.4% pada setiap tahun selaras dengan Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP) iaitu pencapaian 53 bilion pada tahun 2020. Dalam pada itu, saya dapati bahawa prestasi eksport bagi tahun 2010 telah menampakkan bibit-bibit pemulihan yang dinanti-nantikan. Eksport keluaran kayu Malaysia telah mencatatkan nilai sejumlah RM5.16 billion dalam suku tahun pertama. Ini menunjukkan pertumbuhan sebanyak 24% berbanding tempoh yang sama dalam tahun lepas. Bersama-sama kita berusaha dan berdoa agar peningkatan ini berterusan supaya matlamat NATIP dapat dicapai.

Saya difahamkan bahawa pelbagai program di bawah NATIP telahpun digerakkan oleh MTIB. Antaranya program penggalakan pemasaran dan promosi untuk pasaran tempatan dan antarabangsa seperti di HOMEDEC 2009, PENFURNEX 2009, Pameran Malaysia IBS International Exhibition dan Borneo International Trade Fair. Di samping itu juga perbincangan berterusan bagi menggalakan penggunaan kayu di dalam sektor pembinaan telah diadakan bersama Kementerian dan agensi yang berkaitan dengan penggalakan industri pembinaan tempatan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Aktiviti peningkatan mekanisasi dan automasi di sektor perkayuan juga turut dititik beratkan. Sebagai contoh sektor kayu serpai tahap mekanisasi dan automasinya adalah antara 80% hingga 90% dan papan lapis antara 60% hingga 70%.

Kesannya, nilai eksport sektor perkayuan bagi tempoh tiga (3) bulan ini telah mencapai peningkatan sebanyak 24.5% berbanding pada tahun lepas.

Para hadirin yang dimulihkan,

Usaha-usaha sebegini harus diteruskan dan ditingkatkan dari semasa ke semasa selaras dengan aspirasi Kerajaan iaitu Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan. Ia bukanlah hanya satu slogan, satu retorik sahaja tetapi sebenarnya membawa pengertian yang amat mendalam dari segi dasar, pendekatan dan juga perubahan yang hendak dilakukan oleh Kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Seiring dengan kriteria laman web kerajaan yang telah digariskan oleh pihak MAMPU, MTIB telah mengorak langkah setapak lagi dengan memperbaharui portal korporat MTIB yang sedia ada yang pernah dikemaskinikan pada tahun 2008. Portal baru MTIB ini juga telah diberi beberapa penambahbaikan seperti ciri dwi-bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Portal baru MTIB ini juga turut menepati ciri-ciri yang digariskan oleh World Wide Web Consortium (W3C), iaitu komuniti antarabangsa yang menubuhkan standard-standard bagi memastikan pembangunan laman web. Antara ciri-ciri yang telah dimasukkan ke dalam portal baru MTIB ialah kemudahan untuk pengguna rabun warna dan saiz-saiz tulisan yang bersesuaian dengan penglihatan pengguna selain daripada ciri-ciri interaksi dengan pelanggan, mesra pelanggan, perkhidmatan kepada pelanggan, ciri-ciri sokongan pelanggan dan content management.

Para hadirin yang dimulihkan,

Pada tahun Ogos 2009 yang lalu, MTIB telah melancarkan kempen Pelan Promosi Peningkatan Kesedaran Penggunaan Kayu Tempatan di Pasaran Domestik selama enam (6) bulan. Saya difahamkan kempen ini yang sepatutnya telah berakhir pada Februari 2010, telah dilanjutkan tempoh pengiklanan di papan-papan iklan di lebuh raya di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bermula dari bulan Mac sehingga September 2010.

Dan pada tahun ini pula, MTIB meneruskan usahanya mempromosi industri perkayuan negara untuk mengeluarkan iklan berkaitan industri perkayuan yang diharapkan mampu untuk memberi penerangan yang berguna kepada masyarakat umum mengenai perkembangan industri perkayuan negara serta kejayaan-kejayaan yang telah ditempa oleh industri ini. Iklan baru ini akan disiarkan di televisyen memandangkan ia antara medium promosi yang amat berkesan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya dimaklumkan bahawa majlis pada pagi ini akan meraikan 38 orang wargakerja MTIB yang telah menunjukkan kecemerlangan perkhidmatan pada Tahun 2009. Kecemerlangan haruslah ditunjukkan dari pelbagai aspek antaranya pemikiran yang kreatif dan inovatif kerana ini merupakan proses 'value creation'. Wargakerja MTIB mesti mencipta nilai terutama dalam menghasilkan 'value-added' bagi sektor perkayuan negara. Pemikiran pada tahap yang lama haruslah dibuang dan dikaji semula.

Para hadirin yang dimulihkan,

Jatuh dan banggunya sektor perkayuan negara adalah terletak pada tanggungjawab kita semua. Semangat kerja berpasukan haruslah ditanam dalam diri masing-masing. Jadikanlah MTIB ini sebagai satu amanah yang sekiranya tidak dijaga boleh merosakkan segala sistem yang telah dibina selama 37 tahun. Sepanjang tempoh ini, pelbagai kejayaan telah dikecapi atas usaha gigih bersama. Kejayaan MTIB dalam mengekalkan kualiti melalui persijilan MS ISO selama 10 tahun haruslah dipuji.

Di sini saya ingin kaitkan sistem kualiti dengan daya saing negara. Baru-baru ini, Institute for Management Development telah mengumumkan penarafan dunia berkenaan daya saing bagi tahun 2009. Malaysia telah

ditempatkan di tangga ke-10 paling kompetitif, berbanding tahap ke-18 dalam tahun 2008. Kajayaan paling ketara adalah dalam komponen kecekapan kerajaan, yang mana negara kita telah mengatasi negara-negara maju seperti Kanada, Switzerland dan Denmark. Pencapaian ini sangat membanggakan, namun kita tidak seharusnya selesa setakat itu sahaja. Saya menyeru agar MTIB terus berusaha menjalankan penambahbaikan dan peningkatan kepada sistem penyampaian perkhidmatannya.

YBhg Datuk, tuan-tuan dan puan-puan,

Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan adalah kepentingan pembangunan modal insan dalam kemajuan sesuatu industri. Seperti yang para hadirin sedia maklum, MTIB mengendalikan program-program latihan industri melalui Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu atau lebih dikenali sebagai WISDEC. Saya dapati bahawa kini operasi WISDEC telah dipertingkatkan untuk memberi perkhidmatan yang lebih jitu dan berfokus kepada pelanggan. Saya berharap langkah ini akan menjadikan WISDEC sebagai institusi latihan bagi industri berasaskan kayu yang terunggul di rantau Asia dan berkemampuan untuk menjana pekerja berkemahiran untuk merencanakan pembangunan dan produktiviti industri kayu kayan negara.

Para hadirin yang dimulikan,

Saya juga difahamkan bahawa pada majlis ini akan menyaksikan satu lagi usaha dalam meningkatkan imej MTIB. Pelancaran Portal dan Lagu Korporat baru MTIB sebentar lagi membuktikan wargakerja MTIB tidak pernah berputus asa bagi meningkatkan imej sektor perkayuan di mata dunia. Teruskanlah usaha-usaha murni seperti ini agar agenda pembangunan negara dapat dicapai.

Dengan itu, dengan lafaz Bismillah, saya melancarkan Portal dan Lagu Korporat baru MTIB.

Sekian, terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.